



BAHAGIAN PENGUATKUASAAN FARMASI  
BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# **GARIS PANDUAN PENJUALAN PRODUK FARMASEUTIKAL BUKAN RACUN SECARA DALAM TALIAN**

---

Bahagian Penguatkuasaan Farmasi  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Lot 36, Jalan Universiti,  
46350 Petaling Jaya,  
Selangor  
Tel: 03-7841 3200  
Faks: 03-7928 2251  
Laman sesawang: <http://www.pharmacy.gov.my>

## ISI KANDUNGAN

1.	Pengenalan.....	1
2.	Objektif.....	1
3.	Skop.....	1
4.	Terminologi.....	1
5.	Keperluan & Peraturan.....	
	5.1 Keperluan Asas Laman Sesawang.....	2
	5.2 Keperluan Penjualan Produk Farmaseutikal.....	3
	5.3 Terma dan Syarat.....	3
6.	Penafian .....	4
7.	Senarai Rujukan.....	4

## **GARIS PANDUAN PENJUALAN PRODUK FARMASEUTIKAL BUKAN RACUN SECARA DALAM TALIAN**

### **1. PENGENALAN**

Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan keperluan asas dan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi untuk menjalankan penjualan **produk farmaseutikal bukan racun secara runcit** dalam talian bagi memastikan keselamatan orang awam.

### **2. OBJEKTIF**

Objektif garis panduan ini adalah untuk memberikan panduan mengenai keperluan asas penjualan produk farmaseutikal bukan racun secara dalam talian dan peraturan-peraturan penjualan yang perlu dipatuhi.

### **3. SKOP**

Garis panduan ini terpakai kepada **mana-mana individu yang terlibat dalam perniagaan, syarikat atau penyedia platform penjualan dalam talian yang menjalankan penjualan produk farmaseutikal bukan racun secara dalam talian**

### **4. TERMINOLOGI**

4.1	Bukan Racun	Selain dari bahan yang disenaraikan di bawah Jadual Pertama Akta Racun 1952.
4.2	Perniagaan	Perniagaan yang didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
4.3	Perniagaan secara dalam talian	Aktiviti penjualan produk farmaseutikal bukan racun yang dilakukan secara dalam talian

4.4	Penyedia platform penjualan dalam talian	Pihak yang menyediakan laman sesawang perantara sebagai medium untuk penjualan dalam talian
4.5	Produk Farmaseutikal Bukan Racun	Produk bukan racun yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah, Kementerian Kesihatan Malaysia.

## 5. KEPERLUAN & PERATURAN

Perniagaan yang ingin menjalankan penjualan produk farmaseutikal bukan racun secara dalam talian perlu memenuhi keperluan-keperluan seperti berikut :

### 5.1 Keperluan Asas Laman Sesawang

1. Menggunakan domain tempatan (.my) serta *hosting* dan *server* tempatan sahaja.
2. Tidak boleh menggunakan perkataan 'Farmasi' dan perkataan lain seperti yang diperuntukkan dalam Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951 untuk nama domain perniagaan dalam talian kecuali kepada premis perniagaan yang mempunyai ahli farmasi berdaftar atau perniagaan tersebut telah didaftarkan sebagai pertubuhan perbadanan, di bawah Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951.
3. Paparan penjualan produk farmaseutikal hendaklah dalam laman khusus (*page*) untuk produk farmaseutikal bukan racun sahaja. Sekiranya terdapat produk lain selain daripada produk farmaseutikal bukan racun, ianya perlu dipaparkan di laman berasingan.
4. Memaparkan hanya produk farmaseutikal bukan racun yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD), Kementerian Kesihatan Malaysia sahaja.
5. Memaparkan maklumat berikut pada laman sesawang di mana produk dipaparkan:
  - a. Nama dan nombor pendaftaran perniagaan.
  - b. Nama dan alamat lengkap premis (bukan alamat Peti Surat atau P.O.Box), nombor telefon yang boleh dihubungi dan alamat e-mel.
  - c. Nombor pendaftaran produk (MAL)

- d. Nombor Kelulusan Iklan (KKLIU) dari Lembaga Iklan Ubat, Kementerian Kesihatan Malaysia seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 (sekiranya perlu).
  - e. Pernyataan 'Sila dapatkan nasihat pengamal perubatan atau ahli farmasi sekiranya mengalami simptom berterusan atau kesan sampingan'.
6. Menyelenggara laman sesawang untuk menjamin tahap keselamatan laman sesawang tersebut.

## **5.2 Keperluan Penjualan Produk Farmaseutikal**

1. Menjual produk farmaseutikal bukan racun yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) Kementerian Kesihatan Malaysia sahaja.
2. Menjalankan aktiviti penjualan produk dalam talian secara runcit.
3. Penjual hendaklah memastikan kualiti dan keberkesanan produk tidak terjejas semasa proses penghantaran kepada pembeli.

## **5.3 Terma dan Syarat**

1. Perniagaan mesti berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
2. Premis fizikal mesti beralamat di Malaysia
3. Penyimpanan produk farmaseutikal bukan racun perlu mematuhi cara penyimpanan yang betul seperti yang dinyatakan pada label produk.
4. Laman sesawang tidak dibenarkan mempunyai pautan kepada media sosial seperti blog, Facebook, Twitter, Whatsapp dan lain-lain.
5. Penjualan melalui media sosial adalah dilarang.
6. Pengiklanan produk farmaseutikal bukan racun di laman sesawang perlu mematuhi Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 dan garis panduan atau polisi yang dikeluarkan oleh Lembaga Iklan Ubat

## **PENAFIAN**

- i. Keperluan yang perlu dipatuhi dalam garis panduan ini tidak mengecualikan laman sesawang tersebut daripada peruntukan undang-undang lain yang dikuatkuasakan di Malaysia.
- ii. Pemilik perniagaan atau syarikat adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan dan kualiti produk farmaseutikal yang dijual.
- iii. Garis Panduan ini adalah tertakluk pada pindaan dari semasa ke semasa

## **SENARAI RUJUKAN**

1. Akta Racun 1952 dan Peraturan-peraturannya
2. Akta Jualan Dadah 1952 dan Peraturan-peraturannya
3. Akta Ubat (Iklan & Penjualan) 1956 dan Peraturan-peraturannya
4. Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951
5. Garis Panduan Pengiklanan Ubat-ubatan kepada Orang Awam.  
<http://www.pharmacy.gov.my/v2/ms/documents-library/guidelines>
6. Akta Komunikasi dan Multimedia 1998